



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

---

JUMAAT, 16 JUN 2023

LAPORAN HARIAN

Media Monitoring Report Prepared by:

*World Communications*



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

UKK KPWKM



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

16/6/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<b>SKIM PERUBATAN MADANI UNTUK B40 BERMULA HARI INI</b>	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/06/1114635/skim-perubatan-madani-untuk-b40-bermula-hari-ini">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/06/1114635/skim-perubatan-madani-untuk-b40-bermula-hari-ini</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/263526/berita/nasional/penerima-str-nikmati-skim-perubatan-madani">https://www.sinarharian.com.my/article/263526/berita/nasional/penerima-str-nikmati-skim-perubatan-madani</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/06/15/skim-perubatan-madani-bermula-hari-ini-dr-zaliha/">https://malaysiagazette.com/2023/06/15/skim-perubatan-madani-bermula-hari-ini-dr-zaliha/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/06/15/700000-isi-rumah-nikmati-skim-perubatan-madani-bermula-hari-ini-dr-zaliha/">https://www.kosmo.com.my/2023/06/15/700000-isi-rumah-nikmati-skim-perubatan-madani-bermula-hari-ini-dr-zaliha/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://www.thesundaily.my/cerita/penerima-str-boleh-dapatkan-rawatan-skim-perubatan-madani-bermula-hari-ini-JB11106483">https://www.thesundaily.my/cerita/penerima-str-boleh-dapatkan-rawatan-skim-perubatan-madani-bermula-hari-ini-JB11106483</a>	THESUNDAILY.COM
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penerima-str-boleh-dapatkan-rawatan-skim-perubatan-madani-bermula-hari-ini-424025">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penerima-str-boleh-dapatkan-rawatan-skim-perubatan-madani-bermula-hari-ini-424025</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.sistemguruonline.my/2023/06/penerima-str-terima-bantuan-b40-rm75-rm250.html">https://www.sistemguruonline.my/2023/06/penerima-str-terima-bantuan-b40-rm75-rm250.html</a>	SISTEMGURUONLINE.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	<b>'PAKAIAN JURURAWAT WANITA KETAT, TAK PATUH SYARIAH' - MP KUANTAN</b>	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/263614/berita/nasional/pakaia-n-jururawat-wanita-ketat-tak-patuh-syariah---mp-kuantan">https://www.sinarharian.com.my/article/263614/berita/nasional/pakaia-n-jururawat-wanita-ketat-tak-patuh-syariah---mp-kuantan</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dewan-rakyat-pakaian-jururawat-wanita-ketat-menampakkan-bentuk-badan-mp-kuantan-424071">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dewan-rakyat-pakaian-jururawat-wanita-ketat-menampakkan-bentuk-badan-mp-kuantan-424071</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/06/1114841/pakaia-n-jururawat-wanita-semakin-ketat">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/06/1114841/pakaia-n-jururawat-wanita-semakin-ketat</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/263632/video/berita-semasa-video/pakaian-jururawat-wanita-ketat-nampak-bentuk-badan---mp-kuantan">https://www.sinarharian.com.my/article/263632/video/berita-semasa-video/pakaian-jururawat-wanita-ketat-nampak-bentuk-badan---mp-kuantan</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=5X4W7BM-Ugl">https://www.youtube.com/watch?v=5X4W7BM-Ugl</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=XulPW_80tnc">https://www.youtube.com/watch?v=XulPW_80tnc</a>	YOUTUBE



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

16/6/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
3	<b>GURU MENGAKU TIDAK BERSALAH MELIWAT PELAJAR</b>	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/263542/berita/semasa/guru-mengaku-tidak-bersalah-liwat-pelajar">https://www.sinarharian.com.my/article/263542/berita/semasa/guru-mengaku-tidak-bersalah-liwat-pelajar</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2023/06/guru-maahad-tahfiz-mengaku-tidak-bersalah-liwat-pelajar/">https://www.utusan.com.my/berita/2023/06/guru-maahad-tahfiz-mengaku-tidak-bersalah-liwat-pelajar/</a>	UTUSAN.COM.MY
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/977835/guru-maahad-tahfiz-dituduh-liwat-pelajar">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/977835/guru-maahad-tahfiz-dituduh-liwat-pelajar</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/06/15/guru-maahad-tahfiz-mengaku-tak-bersalah-liwat-pelajar/">https://www.kosmo.com.my/2023/06/15/guru-maahad-tahfiz-mengaku-tak-bersalah-liwat-pelajar/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/06/15/guru-tahfiz-didakwa-lakukan-amang-seksual-kepada-pelajar/">https://malaysiagazette.com/2023/06/15/guru-tahfiz-didakwa-lakukan-amang-seksual-kepada-pelajar/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
4	<b>KKM JAMIN BERI KOMITMEN SEGERA SIASAT ISU KANAK-KANAK CEREBRAL PALSY</b>	
	<a href="https://www.malaysiakini.com/news/668718">https://www.malaysiakini.com/news/668718</a>	MALAYSIAKINI.COM
	<a href="https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/06/15/vaksin-kanak-kanak-di-pusat-beli-belah-mungkin-satu-kesilapan-kata-timbangan-menteri/">https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/06/15/vaksin-kanak-kanak-di-pusat-beli-belah-mungkin-satu-kesilapan-kata-timbangan-menteri/</a>	FREEMALYSIATODAY.COM
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/kerajaan-teliti-syor-beri-vaksin-kepada-murid/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/kerajaan-teliti-syor-beri-vaksin-kepada-murid/</a>	UTUSAN.COM.MY
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/isu-tular-kanakkanak-alami-cerebral-palsy-kkm-beri-komitmen-segera-selesai-siasatan-423964">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/isu-tular-kanakkanak-alami-cerebral-palsy-kkm-beri-komitmen-segera-selesai-siasatan-423964</a>	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
5	<b>HAK RABAN OKU SERURAN DIKENATI</b>	
	<a href="https://suarasarawak.my/hak-raban-oku-seruran-dikenati/">https://suarasarawak.my/hak-raban-oku-seruran-dikenati/</a>	SUARASARAWAK.MY
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=r0q8nmOBdiA">https://www.youtube.com/watch?v=r0q8nmOBdiA</a>	YOUTUBE



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

16/6/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
6	<b>ROGOL ANAK HINGGA HAMIL, BAPA MENGAKU BERSALAH</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/977810/rogol-anak-hingga-hamil-bapa-mengaku-bersalah">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/977810/rogol-anak-hingga-hamil-bapa-mengaku-bersalah</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lelaki-mengaku-salah-8-tuduhan-rogol-amang-seksual-anak-sendiri-424034">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lelaki-mengaku-salah-8-tuduhan-rogol-amang-seksual-anak-sendiri-424034</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/06/15/rogol-anak-berusia-15-tahun-bapa-mengaku-salah/">https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/06/15/rogol-anak-berusia-15-tahun-bapa-mengaku-salah/</a>	FREEMALYSIATODAY.COM
	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/bapa-mengaku-bersalah-rogol-anak-hingga-hamil/">https://www.buletintv3.my/nasional/bapa-mengaku-bersalah-rogol-anak-hingga-hamil/</a>	BULETINTV3.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	<b>KPM TELITI SEMULA SYARAT KEMASUKAN KANAK-KANAK KE SEKOLAH</b>	
	<a href="https://www.malaysianow.com/my/news/2023/06/15/kpm-teliti-semula-syarat-kemasukan-kanak-kanak-ke-sekolah">https://www.malaysianow.com/my/news/2023/06/15/kpm-teliti-semula-syarat-kemasukan-kanak-kanak-ke-sekolah</a>	MALAYSIANOW.COM
	<a href="https://themerdekentimes.com/news/2023/06/syarat-kemasukan-kanak-kanak-ke-sekolah-diteliti-semula-fadhlina/">https://themerdekentimes.com/news/2023/06/syarat-kemasukan-kanak-kanak-ke-sekolah-diteliti-semula-fadhlina/</a>	THEMERDEKATIMES.COM
	<a href="https://newswav.com/article/kpm-teliti-semula-syarat-kemasukan-kanak-kanak-ke-sekolah-A2306_3gS49B">https://newswav.com/article/kpm-teliti-semula-syarat-kemasukan-kanak-kanak-ke-sekolah-A2306_3gS49B</a>	NEWSWAV.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
8	<b>(PARLIMEN) JAKIM TIDAK TERIMA LAPORAN ISU TUKAR AGAMA PROJEK CINTA</b>	
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/parlimen-jakim-tidak-terima-laporan-isu-tukar-agama-projek-cinta/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/parlimen-jakim-tidak-terima-laporan-isu-tukar-agama-projek-cinta/</a>	UTUSAN.COM.MY



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

16/6/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
9	<b>DIDIK ANAK JADI SERBA BOLEH</b>	
	<a href="https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2023/06/1114556/didik-anak-jadi-serba-boleh">https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2023/06/1114556/didik-anak-jadi-serba-boleh</a>	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
10	<b>STATUS PENUBUHAN SURUHANJAYA BEBAS TATAKELAKUAN POLIS</b>	
	<a href="https://harakahdaily.net/index.php/2023/06/15/status-penubuhan-suruhanjaya-bebas-tatakelakuan-polis/">https://harakahdaily.net/index.php/2023/06/15/status-penubuhan-suruhanjaya-bebas-tatakelakuan-polis/</a>	HARAKAHDAILY.NET

BIL	PERKARA	SUMBER
11	<b>BAYI ORANG ASLI SAKIT RADANG PARU-PARU NAIK HELIKOPTER KE HOSPITAL</b>	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/06/15/bayi-orang-asli-sakit-radang-paru-paru-naik-helikopter-ke-hospital/">https://www.kosmo.com.my/2023/06/15/bayi-orang-asli-sakit-radang-paru-paru-naik-helikopter-ke-hospital/</a>	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
12	<b>[VIDEO] 'BENDA TAK LAWAK', GURU DIKECAM BUAT CONTENT ANAK MURID BERCOUPLE</b>	
	<a href="https://majoriti.com.my/netzkorner/2023/06/15/039benda-tak-lawak039-guru-dikecam-buat-content-anak-murid-039bercouple039">https://majoriti.com.my/netzkorner/2023/06/15/039benda-tak-lawak039-guru-dikecam-buat-content-anak-murid-039bercouple039</a>	MAJORITI.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
13	<b>ENSURE THAT NO ONE IS LEFT OUT</b>	
	<a href="https://www.thestar.com.my/opinion/letters/2023/06/15/ensure-that-no-one-is-left-out">https://www.thestar.com.my/opinion/letters/2023/06/15/ensure-that-no-one-is-left-out</a>	THESTAR.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

16/6/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
14	PROTECTING RIGHTS AND INTERESTS OF THE DISABLED	
	<a href="https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2023/06/15/protecting-rights-and-interests-of-the-disabled">https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2023/06/15/protecting-rights-and-interests-of-the-disabled</a>	THESTAR.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
15	POLIS BURU PENUNGGANG MOTOSIKAL LAWAN ARUS DI LEBUHRAYA SUKE	
	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/06/15/polis-buru-penunggang-motosikal-lawan-arus-di-lebuh raya-suke/">https://malaysiagazette.com/2023/06/15/polis-buru-penunggang-motosikal-lawan-arus-di-lebuh raya-suke/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
16	BASMI KEMISKINAN: SARAWAK FOKUS PERKASA KANAK - KANAK	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/263598/edisi/sabah-sarawak/basmi-kemiskinan-sarawak-fokus-perkasa-kanak-kanak">https://www.sinarharian.com.my/article/263598/edisi/sabah-sarawak/basmi-kemiskinan-sarawak-fokus-perkasa-kanak-kanak</a>	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
17	BUNUH DIRI KALANGAN REMAJA MEMBIMBANGKAN	
	<a href="https://harakahdaily.net/index.php/2023/06/15/bunuh-diri-kalangan-remaja-membimbangkan/">https://harakahdaily.net/index.php/2023/06/15/bunuh-diri-kalangan-remaja-membimbangkan/</a>	HARAKAHDAILY.NET

BIL	PERKARA	SUMBER
18	DOKTOR PAKAR JUAL BAYI KESERiusAN KERAJAAN DITUNTUT	
	<a href="https://harakahdaily.net/index.php/2023/06/15/doktor-pakar-jual-bayi-keseriusan-kerajaan-dituntut/">https://harakahdaily.net/index.php/2023/06/15/doktor-pakar-jual-bayi-keseriusan-kerajaan-dituntut/</a>	HARAKAHDAILY.NET



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

16/6/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
19	KEPUTUSAN BATAL SAMAN TOMMY THOMAS 8 OGOS	
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/keputusan-batal-saman-tommy-thomas-8-ogos/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/keputusan-batal-saman-tommy-thomas-8-ogos/</a>	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
20	SENIOR CITIZENS WANT TO CONTINUE WORKING DUE TO FINANCIAL COMMITMENTS — MINISTRY OF HUMAN RESOURCES	
	<a href="https://theedgemalaysia.com/node/671225">https://theedgemalaysia.com/node/671225</a>	THEEDGEMALAYSIA.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
21	MELAKA MOHON RM13.93 BILION LAKSANA 330 PROJEK RAKYAT	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/977843/melaka-mohon-rm1393-bilion-laksana-330-projek-rakyat">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/977843/melaka-mohon-rm1393-bilion-laksana-330-projek-rakyat</a>	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
22	MAT SENTOL UZUR, TERBARING DI KATIL	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/rap/2023/06/977958/mat-sentol-uzur-terbaring-di-katil">https://www.hmetro.com.my/rap/2023/06/977958/mat-sentol-uzur-terbaring-di-katil</a>	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
23	SEBAHAGIAN BARANG LUSUH 'AUNTY HONG' SUDAH DIJUAL	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/978007/sebahagian-barang-lusuh-aunty-hong-sudah-dijual">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/978007/sebahagian-barang-lusuh-aunty-hong-sudah-dijual</a>	HMETRO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

16/6/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
24	ANGGOTA BOMBA TEKAD BERHENTI KERJA, JAGA ISTERI KUDUNG	
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/anggota-bomba-tekad-berhenti-kerja-jaga-isteri-kudung/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/anggota-bomba-tekad-berhenti-kerja-jaga-isteri-kudung/</a>	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
25	PENGURUSAN SEKTOR PENDIDIKAN NEGARA – CABARAN BERTALI ARUS	
	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/06/15/pengurusan-sektor-pendidikan-negara-cabaran-bertali-arus/">https://malaysiagazette.com/2023/06/15/pengurusan-sektor-pendidikan-negara-cabaran-bertali-arus/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
26	YNJ SUMBANG RM20,000 KEPADA INSTITUSI AGAMA, KEBAJIKAN	
	<a href="https://wartaoriental.com/2023/06/15/ynj-sumbang-rm20000-kepada-institusi-agama-kebaikan/">https://wartaoriental.com/2023/06/15/ynj-sumbang-rm20000-kepada-institusi-agama-kebaikan/</a>	WARTAORIENTAL.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
27	KUMPULAN QI, YAYASAN RYTHM ANJUR KEMPEN DERMA DARAH, ORGAN	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/06/15/kumpulan-qi-yayasan-rythm-anjur-kempen-derma-darah-organ/">https://www.kosmo.com.my/2023/06/15/kumpulan-qi-yayasan-rythm-anjur-kempen-derma-darah-organ/</a>	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
28	MAYAT WANITA TANPA KEPALA, TANGAN DITEMUKAN DI SUNGAI	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/06/15/mayat-wanita-tanpa-kepala-tangan-ditemukan-di-sungai/">https://www.kosmo.com.my/2023/06/15/mayat-wanita-tanpa-kepala-tangan-ditemukan-di-sungai/</a>	KOSMO.COM.MY



UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

f t i kpwkm

16/6/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
29	<b>GARA-GARA MASALAH KEWANGAN: WANITA TETAK KEPALA SUAMI DENGAN PARANG</b>	
	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2023/06/gara-gara-masalah-keuangan-wanita-tetak-kepala-suami-dengan-parang/">https://www.utusan.com.my/berita/2023/06/gara-gara-masalah-keuangan-wanita-tetak-kepala-suami-dengan-parang/</a>	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
30	<b>INTAN SARAH CIPTA SEJARAH, PEMAIN WANITA PERTAMA NEGARA BERAKSI DI WPSL</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/arena/bola-sepak/2023/06/977904/intan-sarah-cipta-sejarah-pemain-wanita-pertama-negara-beraksi-di">https://www.hmetro.com.my/arena/bola-sepak/2023/06/977904/intan-sarah-cipta-sejarah-pemain-wanita-pertama-negara-beraksi-di</a>	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
31	<b>LETTER   USING RESPECTFUL AND APPROPRIATE DISABILITY LANGUAGE</b>	
	<a href="https://www.malaysiakini.com/letters/668819">https://www.malaysiakini.com/letters/668819</a>	MALAYSIAKINI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
32	<b>FAKTA PENYAKIT TANGAN, KAKI DAN MULUT</b>	
	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/06/15/fakta-penyakit-tangan-kaki-dan-mulut/">https://malaysiagazette.com/2023/06/15/fakta-penyakit-tangan-kaki-dan-mulut/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
33	<b>PERLU KOS TAMBAHAN HANTAR ANAK OKU KE SEKOLAH KHAS</b>	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/06/15/perlu-kos-tambahan-hantar-anak-oku-ke-sekolah-khas/">https://www.kosmo.com.my/2023/06/15/perlu-kos-tambahan-hantar-anak-oku-ke-sekolah-khas/</a>	KOSMO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK M



UKK KPWK M

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

16/6/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
34	<b>QARI OKU PENGLIHATAN INGIN MENCARI REDA ALLAH BUKAN KEMENANGAN</b>	
	<a href="https://www.umahtoday.com.my/qari-oku-penglihatan-ingin-mencari-reda-allah-bukan-kemenangan/">https://www.umahtoday.com.my/qari-oku-penglihatan-ingin-mencari-reda-allah-bukan-kemenangan/</a>	UMMAHTODAY.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
35	<b>IBU, KEKASIH BERSTATUS SUAMI ORANG DIDAKWA DERA KANAK-KANAK</b>	
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ibu-kekasih-berstatus-suami-orang-didakwa-dera-kanakkanak-424070">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ibu-kekasih-berstatus-suami-orang-didakwa-dera-kanakkanak-424070</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/06/15/mahkamah-amir-shafiq-teman-wanita-didakwa-dera-kanak-kanak-perempuan/">https://www.kosmo.com.my/2023/06/15/mahkamah-amir-shafiq-teman-wanita-didakwa-dera-kanak-kanak-perempuan/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2023/06/tular-kanak-kanak-setahun-didera-ibu-teman-lelaki-didakwa/#:~:text=KUALA%20LUMPUR%3A%20Sepasang%20kekasih%20didakwa,baju%20pada%20awal%20Jun%20lalu.">https://www.utusan.com.my/berita/2023/06/tular-kanak-kanak-setahun-didera-ibu-teman-lelaki-didakwa/#:~:text=KUALA%20LUMPUR%3A%20Sepasang%20kekasih%20didakwa,baju%20pada%20awal%20Jun%20lalu.</a>	UTUSAN.COM.MY
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/978003/remaja-teman-lelaki-didakwa-dera-kanak-kanak">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/978003/remaja-teman-lelaki-didakwa-dera-kanak-kanak</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/06/15/remaja-teman-lelaki-didakwa-dera-kanak-kanak/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/06/15/remaja-teman-lelaki-didakwa-dera-kanak-kanak/</a>	FREEMALAYSIATODAY.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
36	<b>NETIZEN SIASAT WANITA BERTATU DIBANTU EBIT LEW</b>	
	<a href="https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2023/06/15/awek-punk-indonesia-nampak-insaf-selepas-dibantu-dibawa-ke-malaysia-kini-jual-sambal-petai-bersama-ebit-lew">https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2023/06/15/awek-punk-indonesia-nampak-insaf-selepas-dibantu-dibawa-ke-malaysia-kini-jual-sambal-petai-bersama-ebit-lew</a>	MSTAR.COM.MY
	<a href="https://www.thevocket.com/bukan-gelandangan-tapi-influencer-netizen-siasat-wanita-bertatu-dibantu-ebit-lew/">https://www.thevocket.com/bukan-gelandangan-tapi-influencer-netizen-siasat-wanita-bertatu-dibantu-ebit-lew/</a>	THEVOCKET.COM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)


[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

16/6/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
37	<b>KHALID TERIMA BANTUAN YAKEB RM17,000</b>	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/06/15/khalid-terima-bantuan-yakeb-rm17000/">https://www.kosmo.com.my/2023/06/15/khalid-terima-bantuan-yakeb-rm17000/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/263636/berita/sukan/hidap-kanser-tahap-empat-khalid-ali-terharu-keprihatinan-yakeb">https://www.sinarharian.com.my/article/263636/berita/sukan/hidap-kanser-tahap-empat-khalid-ali-terharu-keprihatinan-yakeb</a>	SINARHARIAN.COM
	<a href="https://majoriti.com.my/sukan/2023/06/15/khalid-ali-layak-dapat-bantuan-yakeb-terima-rm17000-rawat-kanser-paru-paru">https://majoriti.com.my/sukan/2023/06/15/khalid-ali-layak-dapat-bantuan-yakeb-terima-rm17000-rawat-kanser-paru-paru</a>	MAJORITI.COM.MY
	<a href="https://www.bernama.com/bm/sukan/news.php?id=2198429">https://www.bernama.com/bm/sukan/news.php?id=2198429</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://www.hmetro.com.my/arena/bola-sepak/2023/06/978001/yakeb-sumbang-rm17000-kepada-khalid-ali">https://www.hmetro.com.my/arena/bola-sepak/2023/06/978001/yakeb-sumbang-rm17000-kepada-khalid-ali</a>	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
38	<b>LELAKI CURI 25 HELAI PAKAIAN DALAM WANITA KENA TAHAN</b>	
	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/06/15/lelaki-curi-25-helai-pakaian-dalam-wanita-kena-tahan/">https://malaysiagazette.com/2023/06/15/lelaki-curi-25-helai-pakaian-dalam-wanita-kena-tahan/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/06/15/lelaki-ditahan-curi-25-seluar-dalam-wanita/">https://www.kosmo.com.my/2023/06/15/lelaki-ditahan-curi-25-seluar-dalam-wanita/</a>	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
39	<b>MASALAH KESIHATAN MENTAL PENDUDUK 16 TAHUN KE ATAS MAKIN MELARAT</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/977918/masalah-kesihatan-mental-penduduk-16-tahun-ke-atas-makin-melarat">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/977918/masalah-kesihatan-mental-penduduk-16-tahun-ke-atas-makin-melarat</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/06/15/dewan-rakyat-kanak-kanak-alami-masalah-mental-meningkat-tiga-kali-ganda/">https://www.kosmo.com.my/2023/06/15/dewan-rakyat-kanak-kanak-alami-masalah-mental-meningkat-tiga-kali-ganda/</a>	KOSMO.COM.MY



TAJUK : 700,000 ISI RUMAH TERIMA MANFAAT

HARI : JUMAAT

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 16 JUN 2023

M/SURAT : 08

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

## Skim Perubatan MADANI

# 700,000 isi rumah terima manfaat

Insentif dilaksana kerajaan melalui peruntukan RM100 juta ringan beban rakyat

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
[mohd\\_iskandar@bh.com.my](mailto:mohd_iskandar@bh.com.my)

**Putrajaya:** Skim Perubatan MADANI yang bermula semalam, dijangka memberi manfaat kepada 700,000 isi rumah dengan peruntukan sebanyak RM100 juta.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, berkata penerima manfaat termasuk penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR), boleh mendapatkan beberapa kali rawatan percuma sehingga peruntukan bagi setiap isi rumah habis.

Katanya, skim dilaksanakan secara rintis di 10 daerah itu, memperuntukkan RM250 bagi se-

tiap isi rumah berkeluarga, warga emas tanpa pasangan (RM125) dan bujang (RM75).

"Rawatan pesakit luar kes akut percuma yang ditawarkan menerusi skim ini merangkumi rawatan bagi demam selesema, cirit-birit, muntah, terseliuh, sakit kepala, trauma ringan dan pelbagai lagi.

"Bagaimanapun, pakej rawatan skim ini tidak merangkumi rawatan akut seperti imunisasi rutin, saringan kesihatan, rawatan susulan penyakit tidak berjangkit, rawatan susulan ibu dan anak rutin, perancangan keluarga rutin, perkhidmatan rehabilitasi serta permohonan ubat-ubatan dan suplemen tanpa konsultasi doktor," katanya dalam kenyataan, semalam.

Ketika pembentangan Bajet 2023, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, mengumumkan Skim Perubatan Madani sebagai antara inisiatif kerajaan bagi mengatasi isu kesesakan pesakit di hospital kerajaan.

Ia bertujuan membantu golongan B40 mendapatkan perkhid-

matan penjagaan primer akut (rawatan pesakit luar kes akut) di klinik pengamal perubatan swasta umum (GP) berhampiran, sekali gus mengurangkan kesesakan dan waktu menunggu pesakit di kemudahan kesihatan kerajaan.

Dr Zaliha berkata, program rintis skim berkenaan bermula di 10 daerah iaitu Gombak, Hulu Langat, Klang dan Petaling (Selangor), Kuala Lumpur, Kinta (Perak), Timur Laut (Pulau Pinang), Johor Bahru (Johor), Kota Kinabalu (Sabah) dan Kuching (Sarawak) bermula semalam hingga 31 Disember depan.

### Tawar secara automatik

"Skim Perubatan Madani ditawarkan secara automatik kepada penerima STR dengan membantu menampung kos rawatan kes akut. Perkhidmatan percuma ditawarkan adalah seperti konsultasi, pemeriksaan, ubat-ubatan, prosedur dan rujukan akan diberikan di GP kepada penerima manfaat mengikut pakej ditentukan," katanya.

Penerima manfaat termasuk penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR), boleh mendapatkan beberapa kali rawatan percuma sehingga peruntukan bagi setiap isi rumah habis

Dr Zaliha Mustafa,  
Menteri Kesihatan



"Prapendaftaran adalah tidak diperlukan untuk menikmati manfaat Skim Perubatan Madani bagi penerima STR dan tanggungannya, sebaliknya mereka hanya perlu membawa kad pengenalan semasa mendapat rawatan di GP berkenaan," katanya.

Beliau berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) melalui ProtecHealth menyasarkan 700 GP untuk mendaftar sebagai panel Skim Perubatan Madani menjelang September depan.

"Ketika ini empat sesi penerangan dan latihan kepada GP sudah dijalankan dan dijangka 10 sesi lagi akan dijalankan bagi mencapai sasaran GP yang berdaftar untuk skim ini," katanya.



TAJUK : DIDAKWA 'CANGKUL' KEPALA IBU SAUDARA KERANA REBUT TANAH

HARI : JUMAAT

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 16 JUN 2023

M/SURAT : 18

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## Didakwa 'cangkul' kepala ibu saudara kerana rebut tanah

**Melaka:** Seorang pengacara majlis mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Ayer Keroh, semalam atas tuduhan menyebabkan kecederaan parah terhadap ibu saudaranya dengan menggunakan cangkul kerana berebut tanah dalam satu kejadian minggu lalu.

Tertuduh, Johari, 48, berstatus pemastautin tetap dengan kad pengenalan merah, meminta dibicarakan sejurus dibacakan dan diterangkan mengenai pertuduhan itu kepadanya di hadapan Hakim Mohd Sabri Ismail.

Berdasarkan pertuduhan, dia didakwa dengan sengaja menyebabkan kecederaan parah terhadap Jalilah Jalal, 60, dengan menggunakan cangkul, yang boleh menyebabkan kematian mangsa.

Perbuatan itu dilakukan di hadapan rumah di Lot 672 Batu 6 1/2 Jalan Daeng Tawi Telok Mas, pada 10 Jun lalu, kira-kira jam 5 petang.

Dia didakwa mengikut Seksyen 326 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara boleh sampai 20 tahun dan denda atau sebat, jika disabitkan kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya, Puteri Nur Nadia Mohamed Iqbal yang menjalankan pendakwaan tidak menawarkan sebarang jaminan atas alasan kesalahan itu tidak boleh dijamin.

Beliau juga meminta mahkamah mengambil kira kecederaan dialami mangsa yang disahkan doktor, iaitu cedera dan pendarahan pada otak, patah tulang pipi, dagu, tangan kiri dan rusuk serta pendarahan mata hingga dirawat di Unit Rawatan Rapi Hospital Melaka.

"Keadaan mangsa kritikal sehingga terpaksa 'ditidurkan' serta memerlukan alat bantuan pernafasan sehingga kini.

"Tertuduh dan mangsa mempunyai hubungan saudara dan tinggal berdekatan, justeru pendakwaan tidak menawarkan jaminan bagi mengelakkan pertelingkahan berpanjangan antara keluarga mereka," katanya.

Tertuduh yang tidak diwakili peguam bagaimanapun berhujah panjang lebar memohon diberikan ikat jamin dengan alasan perlu menanggung isteri serta empat anak dan mendakwa kejadian berlaku kerana ingin mempertahankan anaknya.

Dia juga mendakwa pertelingkahan sudah lama berlaku dan ibu saudaranya itu menghidap penyakit dan hampir gila.

Selepas meneliti hujah kedua-dua pihak, mahkamah memutuskan tidak membenarkan jaminan dan kes ditetapkan untuk sebutan semula pada 18 Julai.



TAJUK : GURU TAHFIZ DITUDUH LAKU AMANG SEKSUAL PELAJAR

HARI : JUMAAT

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 16 JUN 2023

M/SURAT : 19

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## Guru tahfiz dituduh laku amang seksual pelajar

**Johor Bahru:** Seorang guru maa-had tahfiz didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini semalam atas tiga pertuduhan melakukan amang seksual terhadap seorang pelajar lelaki, tahun lalu.

Tertuduh, Mohamad Hamzi Mohd Kasmadi, 27, mengaku tidak bersalah selepas ketiga-tiga pertuduhan itu dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Siti Noraidi Sulaiman.

Berdasarkan semua pertuduhan, tertuduh yang juga warden asrama didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang remaja lelaki berusia 16 tahun dalam sebuah bilik asrama pusat pengajian di Benut, Pontian pada Julai dan November 2022 dan Mac lalu.

Pendakwaan dibuat mengikut Seksyen 14(d) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan boleh dikenakan sebat, jika sabit kesalahan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Nor Fadilah Johannuddin menawarkan jaminan RM20,000 serta syarat tambahan tertuduh dilarang mengganggu mangsa serta saksi pendakwaan sehingga kes selesai, selain perlu melapor diri di balai polis berhampiran dan menyerahkan pasport antarabangsa kepada mahkamah.

Bagaimanapun, peguam Omar Kutty Abdul Aziz yang mewakili tertuduh memohon cadangan jumlah jaminan itu dikurangkan memandangkan tertuduh yang berpendapatan RM1,800 sebulan menanggung isteri yang sarat mengandungi anak pertama.


Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM18,000 bagi semua pertuduhan dengan seorang penjamin serta syarat tambahan yang dicadangkan pihak pendakwaan.

Sebutan semula kes itu ditetapkan pada 23 Julai ini.



Mohamad Hamzi dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Johor Bahru, semalam atas tiga pertuduhan melakukan amang seksual terhadap seorang pelajar lelaki, tahun lalu.

(Foto Izz Laily Hussein/BH)



TAJUK : INISIATIF KURANGKAN BEBAN FASILITI KESIHATAN AWAM

HARI : JUMAAT

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 16 JUN 2023

M/SURAT : 08

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

# Inisiatif kurangkan beban fasiliti kesihatan awam

**Kuala Lumpur:** Skim Perubatan MADANI yang dilaksanakan kerajaan dilihat sebagai strategi serampang dua mata dalam mengurangkan beban rakyat mendapatkan rawatan kesihatan.

Pengamal perubatan swasta, Dr Riza Hartini Razali, berkata inisiatif berkenaan berbaloi kerana pesakit yang layak akan diberi peruntukan mendapatkan rawatan perubatan di klinik swasta.

Pada masa sama, katanya, beban petugas kesihatan dan kesesakan di hospital atau klinik kesihatan kerajaan juga dapat dikurangkan.

"Skim berkenaan turut menyediakan peruntukan kepada pengamal perubatan swasta melakukan pemeriksaan kesihatan seperti ujian darah, ujian air kencing dan lain-lain.

"Sebelum ini, ia hanya membabitkan beberapa jenis rawatan dan pemeriksaan yang tidak menyeluruh.

"Dengan adanya skim ini, pesakit boleh mendapatkan perkhidmatan kesihatan secara menyeluruh," katanya kepada *BH*, semalam.

Dr Riza Hartini berkata, pesakit juga tidak perlu bergantung kepada klinik kesihatan semata-mata untuk mendapatkan rawatan, terutama di kawasan yang mana lokasinya agak jauh.

## Syor perluas skim ditawarkan

Sehubungan itu, beliau berharap skim berkenaan dapat diperluas ke seluruh negara secara berperingkat dan dipromosi di semua platform media supaya orang ramai lebih cakna mengenai inisiatif kerajaan.

Terdahulu, Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, mengumumkan skim yang dilaksanakan bermula semalam sehingga 31 Disember itu ditawarkan secara automatik kepada penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) bagi mendapatkan per-



Manjit Kaur menerima rawatan melalui Skim Perubatan MADANI di Klinik Qualitas Health Poliklinik Central & Surgeri di Setapak, semalam.

(Foto Aswadi Alias/BH)

khidmatan kesihatan.

Beliau berkata, mereka boleh mendapatkan rawatan menerusi program rintis skim itu di pengamal perubatan swasta umum (GP) yang berdaftar di 10 daerah terpilih.

Ia membabitkan Gombak, Hulu Langat, Klang dan Petaling (Selangor), Kuala Lumpur, Kinta (Perak), Timur Laut (Pulau Pinang), Johor Bahru (Johor), Kota Kinabalu (Sabah) dan Kuching (Sarawak).



TAJUK : 'CANGKUL' MAK CIK DEK REBUT TANAH

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 16 JUN 2023

M/SURAT : 09

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

# 'Cangkul' mak cik dek rebut tanah

*Pengacara majlis mengaku tidak bersalah  
tuduhan cederakan ibu saudara minggu lalu*

Oleh Meor Riduwan  
Meor Ahmad  
[am@hmetro.com.my](mailto:am@hmetro.com.my)

## Melaka

Seorang pengacara majlis mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Ayer Keroh semalam, atas pertuduhan menyebabkan kecederaan parah terhadap ibu saudaranya menggunakan cangkul kerana berebut tanah, minggu lalu.

Tertuduh, Johari, 48, yang berstatus pemastautin tetap meminta dibicarakan sejouras dibacakan dan diterangkan pertuduhan di hadapan Hakim Mohd Sabri Ismail.

Berdasarkan pertuduhan, dia didakwa dengan sengaja menyebabkan kecederaan parah ke atas Jalilah Jalal, 60, dengan menggunakan satu alat yang jika digunakan sebagai senjata untuk melakukan kesalahan mungkin menyebabkan kematian iaitu sebatang cangkul.

Perbuatan itu dilakukan di hadapan rumah di Lot 672, Batu 6 1/2, Jalan Daeng Tawi, Telok Mas, pada 10 Jun lalu, kira-kira jam 5 petang.

Dia didakwa mengikut



JOHARI didakwa cangkul emak saudara kerana berebut tanah, minggu lalu. - Gambar NSTP/MEOR RIDUWAN MEOR AHMAD

Seksyen 326 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda atau sebat, jika disabitkan.


Timbalan Pendakwa Raya Puteri Nur Nadia Mohamed Iqbal yang menjalankan pendakwaan tidak menawarkan jaminan atas alasan kesalahan itu tidak boleh dijamin.

Beliau juga berhujah supaya mahkamah mengambil kira kecederaan dialami mangsa yang disahkan doktor iaitu cedera dan pendarahan pada otak,

patah tulang pipi, dagu, tangan kiri dan rusuk serta pendarahan mata hingga dirawat di Unit Rawatan Rapi, Hospital Melaka.

"Keadaan mangsa kritikal sehingga terpaksa 'ditidurkan' serta memerlukan alat bantuan pernafasan sehingga kini.

"Tertuduh dan mangsa mempunyai hubungan saudara dan tinggal berdekatan, justeru pendakwaan tidak menawarkan jaminan bagi mengelakkan pertelingkahan berpanjangan antara keluarga mereka," katanya.



TAJUK : 'MANA ADA IBU BAPA YANG MAHU ANAK JADI SEBEGITU'

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 16 JUN 2023

M/SURAT : 21

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

## 'Mana ada ibu bapa yang mahu anak jadi sebegitu'

**Kuala Lumpur:** "Mana ada ibu bapa yang mahukan anaknya menjadi sebegitu. Benda itu berlaku tanpa saya duga.

"Apapun yang terjadi, saya terima dan reda. Mungkin apa yang berlaku ini akan menjadikan seseorang itu lebih baik di kemudian hari," kata pelakon era 1990-an, Noralbaniyah, 54.

Noralbaniyah berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai berita penangkapan anak tunggalnya, Syarra Sudarman akibat penyalahgunaan dadah sebelum ini.

Menurut Noralbaniyah atau nama sebenar Nor Albaniyah Raffie, episod hitam yang menimpa anaknya itu adalah ujian terbesar buatnya sebagai ibu.

Menurutnya, pada mulanya, dia berasa agak sukar untuk berdepan dengan orang ramai tetapi kini, hatinya lebih tenang

dan menerima ujian Allah dengan berlapang dada.

"Ada orang menghukum tetapi saya beritahu, anak saya bukan berusia 18 tahun tetapi sudah 28 tahun.

"Jika dia berusia bawah 20 tahun bolehlah saya tegur. Justeru, janganlah macam dan kata saya salah mendidik anak. Ini ujian untuk saya, Alhamdulillah saya kuat.

"Kalau dulu mungkin saya kurang matang, tetapi sekarang saya boleh terima dan berdepan dengan orang ramai.

"Dulu tiada media sosial dan tiada viral. Sekarang kita tak boleh buat silap, semuanya tular dalam media sosial," kata Noralbaniyah.

Ditanya di mana dia mengetahui berita penangkapan anaknya itu, kata Noralbaniyah, ada pihak media yang menghubunginya sebelum ini.



TAJUK :	BOBOI TEMPATKU 'BERMANJA'		
HARI :	JUMAAT	AKHBAR :	HARIAN METRO
TARIKH :	16 JUN 2023	M/SURAT :	23
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM



# Boboi tempatku 'bermanja'

Gadis 18 tahun habiskan masa bergelumang di kandang lembu

Oleh Siti Rohana Idris  
am@hmetro.com.my

Kota Bharu

**P**ada usia 18 tahun, kebanyakan remaja perempuan lain sibuk berdandan dan menghias diri, namun berbeza dengan Nor Farisyah Azhar apabila bergelumang di kandang lembu.

Boleh dikatakan sepanjang hari, masa gadis manis itu diuangkan untuk menjaga dan menguruskan lebih 200 lembu baka Brahman dan Kacuk Kelantan di kandang milik bapanya, Azhar Che Abdullah, 53, di Kampung Tebing Tinggi, Kemumin, di sini.

Anak sulung daripada enam beradik itu berkata, dia mula didedahkan dengan ternakan lembu di awal usia 11 tahun dan kandang lembu

seakan menjadi rumah keduanya, malah tidak kisah tiada masa untuk keluar bergembira seperti rakan lain.

"Memang ada yang memandang rendah dan berkata sinis apabila mengetahui saya menjaga lembu dan tidak kurang yang terkejut kerana biasanya kerja itu dilakukan orang lelaki.

"Bagaimanapun, ini memang minat saya dan tidak kisah langsung jika tidak dapat berhias cantik atau melaram seperti gadis lain disebabkan ia bukan kesukaan saya," katanya ketika ditemui, di sini, semalam.

Nor Farisyah berkata, tugasnya bermula seawal jam 7 pagi dengan memandikan kesemua lembu peliharaan sebelum diberi makan dedak atau rumput.

"Lembu yang menjadi kesayangan saya ialah Boboi (baka Brahman) yang sen-



NOR Farisyah menjaga lembu baka Brahman dan Kacuk Kelantan di kandang milik bapanya di Kampung Tebing Tinggi, Kemumin. -Gambar NSTP/SITI ROHANA IDRIS

tiasa manja walaupun fizikalnya besar dengan berat sekitar 800 kilogram (kg).

"Boboi sudah dipelihara hampir lapan bulan dan kami bakal berpisah tidak lama lagi kerana ia sudah ditampah oleh pembeli untuk korban," katanya.

Berkongsi pengalaman pernah mengalami beberapa insiden disondol lembu, ia tidak mematahkan semangatnya, malah memberitahu ada cara khusus untuk menjinakkan binatang peliharaan itu.


Menjelang musim perayaan terutama Aidiladha, kandang seluas 4.8 hektar itu akan memuatkan lebih 1,000

lembu dari kedua-dua baka yang dibeli dari Thailand serta Myanmar sebelum dijual kepada pembeli.

Nor Farisyah juga pelajar sebuah pondok di Tumpat berkata, dia berhasrat untuk meneruskan legasi bapanya dalam ternakan lembu, malah kini berupaya menjalankan urusan niaga bermula daripada proses import sehingga kepada pengguna akhir.

"Sebagai anak sulung, saya rasa bertanggungjawab untuk membantu bapa dan walaupun saya seorang perempuan, itu tidak menjadi halangan untuk terlibat dalam bidang ini," katanya.

**"Ini memang minat saya dan tidak kisah langsung jika tidak dapat berhias cantik"**  
Nor Farisyah



TAJUK : GUNA JAWATAN DAPATKAN SUAPAN

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 16 JUN 2023

M/SURAT : 12

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## *Guna jawatan dapatkan suapan*

**Melaka:** Wanita yang juga penjawat awam didakwa di Mahkamah Sesyen Ayer Keroh semalam, atas tiga tuduhan menggunakan jawatannya untuk mendapatkan suapan dengan memilih syarikat keluarganya bagi kerja-kerja penyelenggaraan di sebuah kolej vokasional.

Penolong Jurutera Awam Gred JA29 Kolej Vokasional Melaka Tengah (KVMT), Haslin Abdul Halim bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan minta dibiarkan terhadap semua pertuduhan.

Mengikut pertuduhan pertama, dia didakwa menggunakan kedudukannya bagi mendapatkan suapan iaitu terbabit dalam permohonan dan pemilihan syarikat AWS Maju Enterprise milik saudaranya,

untuk Kerja Penyelenggaraan Kecil di belakang Dewan KVMT bernilai RM500.

Bagi pertuduhan kedua dan ketiga, dia didakwa melakukan kesalahan sama dengan memilih syarikat itu bagi Kerja-kerja Penyelenggaraan Salur Air Keluar di Dewan Bunga Raya, Pejabat Pentadbiran dan Surau (ruang perempuan) bernilai RM2,000 dan Kerja-kerja Membaikpulih Bumbung Yang Bocor di Bengkel Automotif dan Bengkel bernilai RM1,450.

Ketiga-tiga kesalahan itu didakwa dilakukan pada 7 Februari 2017, 1 Oktober 2018 dan 27 Mac 2019 di KVMT di sini.


Dia dituduh mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum me-

ngikut Seksyen 24(1) akta sama.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda minimum lima kali ganda nilai suapan, atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Irwan Shah Abdul Samat manakala peguam, Ishak Mohd Kari mewakili tertuduh.

Terdahulu, Irwan Shah menawarkan jaminan RM2,000 dengan seorang penjamin bagi semua pertuduhan namun dirayu peguam atas alasan anak guamnya penanggung tunggal keluarga manakala suaminya seorang bankrap dan hanya melakukan kerja kampung.



TAJUK : GURU TAHFIZ NAFI NODA PELAJAR

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 16 JUN 2023

M/SURAT : 12

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## Guru tahfiz nafi noda pelajar

**Johor Bahru:** Seorang guru maahad tahfiz dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas tiga pertuduhan melakukan amang seksual terhadap seorang pelajar lelaki, tahun lalu.

Bagaimanapun, tertuduh, Mohamad Hamzi Mohd Kasmadi, 27, mengaku tidak bersalah selepas ketiga-tiga pertuduhan itu dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Siti Noraidi Sulaiman.

Berdasarkan semua kertas pertuduhan, lelaki itu didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang remaja lelaki berusia 16 tahun dengan cara memasukkan kemaluannya ke dalam

dubur mangsa.

Tertuduh yang juga warden asrama didakwa melakukan perbuatan itu dalam sebuah bilik asrama maahad tahfiz itu di Benut, Pontian pada Julai dan November 2022 dan Mac lalu.

Pendakwaan dibuat mengikut Seksyen 14(d) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan boleh dikenakan sebat, jika sabit kesalahan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya, Nor Fadilah Johanuddin menawarkan jaminan RM20,000 serta syarat tambahan, tertuduh dilarang mengganggu mangsa serta saksi pendakwa-

an sehingga kes selesai selain perlu melapor diri di balai polis berhampiran dan menyerahkan pasport antarabangsa kepada mahkamah.

Bagaimanapun, peguam Omar Kutty Abdul Aziz yang mewakili tertuduh memohon cadangan jumlah jaminan itu dikurangkan memandangkan tertuduh yang berpendapatan RM1,800 sebulan menanggung isteri yang sarat mengandung anak pertama.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM18,000 bagi semua pertuduhan dengan seorang penjamin serta syarat tambahan yang dicadangkan pihak pendakwaan

*Kes ditetapkan untuk sebutan semula bagi serahan dokumen pada 23 Julai depan.*

**Mahkamah  
benarkan tertuduh  
diikat jamin RM18,000  
bagi semua pertuduhan  
dengan seorang penjamin**



TAJUK : ISTERI TETAK BILA NAK MASUK BILIK

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 16 JUN 2023

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

# Isteri **tetak** bila nak masuk bilik

*Lelaki cedera di kepala diserang pasangan akibat perselisihan faham soal kewangan*

Oleh Muhaamad Hafis  
Nawawi  
[mhafis@mediaprima.com.my](mailto:mhafis@mediaprima.com.my)

**Kuala Lumpur**

**P**erselisihan faham berkaitan masalah kewangan menyebabkan seorang lelaki cedera di kepala selepas ditetak dengan parang oleh isterinya di rumah mereka di Jinjang, di sini, Sabtu lalu.

Dalam kejadian jam 9.30 malam, pekerja kilang berusia 34 tahun itu pulang ke rumahnya dan selepas makan, dia yang ingin masuk ke bilik diserang isterinya.

Menurut sumber, suspek bertindak menetak kepala mangsa dengan parang sehingga berdarah.

“Sebelum kejadian, mangsa berse- lisih faham dengan isterinya berkaitan masalah kewangan.

“Mangsa yang cedera kemudian melarikan diri dan membuat laporan di Balai Polis Jinjang,” katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Sentul Asisten Komisioner Ahmad Sukarno Mohd Zahari mengesahkan menerima laporan berhubung kejadian terbabit.

Menurutnya, mangsa bagaimanapun belum dirakam keterangannya selepas gagal ditemui sehingga kini.

**“Mangsa melarikan diri dan membuat laporan di Balai Polis Jinjang”**  
Sumber





TAJUK : NODA ANAK SAMPAI HAMIL

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 16 JUN 2023

M/SURAT : 10

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Oleh Ali Iqbal  
am@hmetro.com.my

Muar

# Noda anak sampai hamil

Lelaki mengaku terhadap lapan pertuduhan termasuk kes amang seksual fizikal

Seorang bapa mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini semalam atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal serta merogol anaknya hingga hamil tujuh bulan.

Tertuduh berusia 41 tahun berhadapan lapan pertuduhan termasuk satu kes amang seksual fizikal terhadap anak perempuan berusia 15 tahun sejak 2020, membuat pengakuan bersalah di hadapan Hakim Abu Bakar Manat sebaik semua pertuduhan dibaca jurubahasa mahkamah.

Bagi pertuduhan pertama, tertuduh didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap anaknya di sebuah rumah di Semerah, di sini, pada waktu malam 2020.

Dia didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017, dan dibaca bersama Seksyen 16 akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga lima tahun dan juga sebatan.

Bagi pertuduhan kedua hingga kelapan, tertuduh didakwa merogol anak itu sejak Oktober 2020 sehingga 5 Jun lalu di rumah sama.

Berikutan itu tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 376 (3) Kanun Keseksaan yang boleh dipenjarakan sehingga 30 tahun dan juga 10 sebatan.



TERTUDUH dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Muar selepas mengaku bersalah atas lapan pertuduhan rogol dan amang seksual terhadap anaknya.

Kejadian itu hanya terbongkar selepas sesi pemeriksaan kesihatan dijalankan di sekolah mangsa dan mendapati berlaku perubahan fizikal pada tubuhnya.

Mengikut fakta kes, tertuduh didakwa melakukan perbuatan keji itu ketika ketiadaan ahli keluarga di rumah.


Kejadian itu hanya terbongkar selepas sesi pemeriksaan kesihatan dijalankan di sekolah mangsa dan mendapati berlaku perubahan fizikal pada tubuhnya.

Mangsa ketika itu tidak mengetahui dia hamil sebelum membuat laporan polis terhadap tertuduh.

Timbalan Pendakwa Raya, Nur Sulehan Abd Rahman kemudian meminta mahkamah menetapkan satu tarikh bagi membolehkan pihaknya mendapat laporan DNA (asid deoksiribonukleik), laporan perubatan dan rekod jenayah lampau tertuduh.

Pihak pendakwaan juga tidak menawarkan jaminan terhadap tertuduh.

Abu Bakar menetapkan 16 Julai ini sebutan semula kes.



TAJUK : PENERIMA STR DAPAT MANFAAT

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 16 JUN 2023

M/SURAT : 19

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK M

Bernama **SKIM PERUBATAN MADANI**

Putrajaya

Skim Perubatan Madani yang bermula semalam, sehingga 31 Disember ditawarkan secara automatik kepada penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) bagi mendapatkan perkhidmatan kesihatan, kata Menteri Kesihatan Dr Zaliha Mustafa.

Menerusi kenyataan, beliau berkata, penerima STR boleh mendapatkan rawatan menerusi program rintis skim itu di pengamal perubatan swasta umum (GP) yang berdaftar di 10 daerah terpilih.

Ia membabitkan Gombak, Hulu Langat, Klang dan Petaling (Selangor), Kuala Lumpur, Kinta (Perak), Timur Laut (Pulau Pinang), Johor Bahru (Johor), Kota Kinabalu (Sabah) dan Kuching (Sarawak).

"Pra-pendaftaran tidak diperlukan untuk menikmati manfaat Skim Perubatan Madani bagi pene-

# Penerima STR dapat manfaat



“  
Pra-pendaftaran tidak diperlukan untuk menikmati manfaat Skim Perubatan Madani  
Dr Zaliha

rima STR dan tanggungannya.

"Mereka hanya perlu membawa kad pengenalan

semasa mendapat rawatan di GP yang berdaftar di bawah Skim Perubatan Madani," katanya.

sultasi, pemeriksaan, ubat-ubatan, prosedur dan rujukan.

Ia akan diberikan di GP kepada penerima manfaat mengikut pakej yang ditentukan.

Rawatan pesakit luar kes-kes akut percuma yang ditawarkan Skim Perubatan Madani merangkumi rawatan bagi demam selesema, cirit-birit, muntah, terseliuh, sakit kepala, trauma ringan dan pelbagai lagi.

Beliau berkata, pakej rawatan Skim Perubatan Madani tidak merangkumi rawatan bukan akut seperti imunisasi rutin, saringan kesihatan, rawatan susulan penyakit tidak berjangkit (NCD) rutin dan rawatan susulan ibu dan anak rutin.

"Perkhidmatan kesihatan bagi keadaan bukan akut yang tidak ditawarkan Skim Perubatan Madani boleh didapati di Klinik Kesihatan Kementerian Kesihatan (KKM)," katanya.

Dr Zaliha berkata, peruntukan bagi setiap isi rumah

menerusi skim terbabit adalah sehingga RM250 bagi setiap isi rumah berkeluarga, RM125 bagi warga emas (tanpa pasangan) dan RM75 bagi kategori bujang.

"Penerima manfaat boleh mendapatkan beberapa kali rawatan percuma sehingga peruntukan bagi setiap isi rumah habis," katanya.

Beliau berkata, fasa rintis Skim Perubatan Madani yang dilaksanakan di 10 daerah itu dijangka memberi manfaat kepada 700,000 isi rumah dengan peruntukan RM100 juta.

Beliau berkata, KKM melalui *ProtectHealth* menyasarkan 700 GP untuk mendaftar sebagai panel Skim Perubatan Madani menjelang September ini.

Maklumat lanjut berkaitan Skim Perubatan Madani, termasuk semakan kelayakan dan senarai klinik panel boleh didapati di laman web [www.protecthealth.com.my/skimperubatanmadani](http://www.protecthealth.com.my/skimperubatanmadani) atau hubungi talian 03-8687 2525.



TAJUK : TAMPUNG BAKI KOS UBAT ATHIF

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 16 JUN 2023

M/SURAT : 17

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

# Tampung baki kos ubat **Athif**

Kerajaan Pahang beri jaminan biaya kekurangan dana bagi bayi perlu ubat genetik RM9.7 juta

Oleh Asrol Awang  
am@hmetro.com.my

## Kuantan

Kerajaan Pahang memberi jaminan akan menampung baki kos rawatan untuk Muhammad Athif Fahri Mohd Farhan, 16 bulan bagi membeli ubat genetik Zolgensma berharga RM9.7 juta.

Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, kos akan dibiayai jika kutipan wang tidak mencukupi atau tiada penyumbang lain.

"Saya berkesempatan menziarahi adik Athif yang menghidap penyakit jarang berlaku, *Spinal Muscular Atrophy (SMA) Type 1*.

"Penyakit ini perlu mendapat ubat dan kepakaran dari dalam dan luar negara kerana penyakit jarang berlaku. Setakat ini, RM9.4 berjaya dikutip dan baki yang



WAN Rosdy menziarahi Athif yang menghidap SMA Type 1 di rumahnya di Permatang Badak Maju, Kuantan.

diperlukan lagi berjumlah RM300,000.

"Justeru, saya beri jaminan kekurangan kos per-

obatan adik Athif ini, kerajaan Pahang akan tanggung kerana rawatan itu perlu disegerakan. Tidak perlu

tunggu jumlahnya cukup baharu berubat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas me-



Penyakit ini perlu mendapat ubat dan kepakaran dari dalam dan luar negara kerana penyakit jarang berlaku. Setakat ini, RM9.4 berjaya dikutip dan baki yang diperlukan lagi berjumlah RM300,000"

Wan Rosdy

lawat Muhammad Athif Fahri yang menghidap penyakit SMA Type 1 di Permatang Badak Maju, di sini, kelmarin.

Pada lawatan itu, kerajaan negeri turut menyumbang RM50,000 bagi kos rawatan Athif.

Difahamkan, Muhammad Athif Fahri tidak mempunyai banyak masa berikutan suntikan ubat


terbabit perlu diambil sebelum usianya mencapai dua tahun.

Anak bongsu daripada tiga beradik itu dilahirkan pada 3 Mac 2022, dengan berat 3.33 kilogram serta ukur lilit kepala 33 sentimeter.

Sementara itu, Mohd Farhan Mohd Sait, 33, berkata, dia berterima kasih kepada rakyat Malaysia kerana menghulur sumbangan dana perubatan untuk anaknya.

"Alhamdulillah, saya bersyukur kerajaan negeri beri jaminan kerana kadang-kadang keadaan Athif lemah. Oleh itu, saya berharap pembelian ubat dipercepatkan," katanya.

Terdahulu, keluarga itu turut menerima kunjungan Pengasas Yayasan Misi Rakyat, Nur Ahmad Faiz Mohd Azmi yang melaksanakan kutipan dana membantu Muhammad Athif Fahri.



TAJUK : WANITA HADIAHKAN RM10K BUAT PELAJAR 11A SPM

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 16 JUN 2023

M/SURAT : 22

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

### INSPIRASI SYAHRIL

# Wanita hadiahkan RM10k buat pelajar 11A SPM

**Bachok:** Seorang wanita menghadaikan wang tunai RM10,000 kepada pelajar cemerlang yang memperolehi 11A dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2022 sebagai pembakar semangat untuk berjaya dalam kehidupan.

Wan Nor Azilah Dollah, 37, berkata, dia tergerak hati untuk berbuat demikian selepas terharu dengan pengorbanan dilakukan Muhammad Syahril Saidi, 18, kerana mengutamakan ibunya yang sakit.

Katanya, kisah pelajar itu mengingatkan kisah dirinya yang pernah berdepan situasi sama apabila berkorban menjaga arwah ibunya yang meninggal dunia tahun lalu kerana penyakit buah pinggang.

"Apa yang dia buat (jaga ibu sakit) mudah, tapi tak semua orang sanggup lakukan.

"Saya beri wang tunai itu ikhlas kerana mahu bantu dia beli kelengkapan sekolah yang berkualiti seperti komputer riba untuk bantu dia belajar," katanya yang datang ke rumah Syahril di Kampung Kandis di sini,



*Saya beri wang tunai itu ikhlas kerana mahu bantu dia beli kelengkapan sekolah yang berkualiti seperti komputer riba untuk bantu dia belajar"*

Wan Nor Azilah Dollah

kelmarin.

Wan Nor Azilah berkata, dia berharap sumbangan itu juga dapat membantu Syahril dan keluarga untuk menguruskan majlis tahllil arwah ibu pelajar itu, Tuan Faridah Tuan Ismail, 53 yang meninggal dunia, Sabtu lalu.

Dia yang memandu dari Felda Perasu, Gua Musang, berkata ketabahan Syahril dan adik-beradiknya menjaga ibu sakit sejak 2019 sehingga sanggup tidak meninggalkan ibunya untuk mengambil keputusan SPM adalah nilai murni yang memberi inspirasi kepada masyarakat.



LAPORAN Harian Metro, 14 Jun lalu.



TAJUK : HIGHLIGHT ROAD RAGE CASES

HARI : JUMAAT

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 16 JUN 2023

M/SURAT : 16

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



Mohammad Zaim Faiz Tarmizi was sentenced to seven days' jail for assaulting a female driver.  
FILE PIC

BULLIES

# HIGHLIGHT ROAD RAGE CASES

REFER to the article, "Man who hit female driver jailed 7 days" (NST, June 10). This incident involving a road bully who assaulted a female driver at the Tapah-Cameron Highlands road highlights the need to curb this unruly behaviour.

Mohammad Zaim Faiz Tarmizi was found guilty of criminal intimidation and voluntarily causing hurt.

While he could have faced up to seven years in prison, he received an exceptionally lenient sentence of just seven days' jail.

The court of public opinion would have imposed a longer jail term on him.

A passenger's video clip of the assault played a vital role in this case.

Without it, the case may have been just an exchange of words, making it challenging for the police to determine what really happened.

We can assume that for every conviction, there are at least 99 cases that go unreported or are not resolved due to the lack of evidence.

This allows road bullies to continue

with their aggression.

One solution is to equip our vehicles with front and rear webcams.

Also, passengers must record such incidents, but they should be aware that road bullies may grab their hand-phone.

Road rage arises when one driver provokes another and the other reacts.

It is in our best interest to remain calm.

Allowing road bullies to have their way is preferable to having a confrontation. Avoiding eye contact and

allowing them to pass is a wise course of action.


In the event that aggressors confront us, maintaining our composure and even offering an apology may prove invaluable.

Something else that may help is publicising such cases as a deterrent to would-be road bullies.

**DR POLA SINGH**

Former secretary-general, Chartered Institute of Logistics and Transport, Malaysia





TAJUK : KAPIT WOMEN ASSOCIATION TREATS MEMBERS TO PARENTS' DAY DINNER

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 16 JUN 2023

M/SURAT : 11

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



Kie Ing (seated, centre) and association members during the Parents' Day gathering.

# Kapit women association treats members to Parents' Day dinner

**KAPIT:** Kapit Chinese Women Association treated its members to a Parents' Day celebration here Wednesday evening.


Led by chairman Pemanca Wong Kie Ing, the dinner gathering saw those in attendance presented with gifts as an appreciation of their role as

parents.

"This gathering is to honour, respect and appreciate our parents for raising us and working hard to support the family.

"As children, it is our sacred duty to care for and respect our ageing parents," she said in her brief remarks.

Among those present at the gathering were deputy chairman Kapitan Yap Hui Li, secretary Wee Hui Ping, treasurer Grace Wong, and members Lau Sui Nai, Tiong Kiew Lan, Wong Mee Eng, Tan Sui Hung, Yeu Su Ing, Chieng Geok Ing, Wong Poh Aik, Wong Siau Kiew, Ting Shiau Fong and Sia Soh Ing.



TAJUK :	PROGRAMME TO EQUIP SARAWAKIAN YOUTHS WITH BASIC DIGITAL SKILLS LAUNCHED		
HARI :	JUMAAT	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	16 JUN 2023	M/SURAT :	10
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

## Programme to equip Sarawakian youths with basic digital skills launched

**KUCHING:** Petrosains, The Discovery Centre in collaboration with Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (Yayasan Peneraju), an agency under the Ministry of Economy focusing on empowering the Malaysian workforce, has launched an innovative digital enhancement programme called 'Peneraju Skil Aspirasi: Digital Upskilling 2023.'

Petrosains in a statement said this collaboration aims to equip Sarawakian youths with basic digital skills and enable them to acquire the skills needed for the 21st-century job market.

The programme will provide comprehensive modules and workshops specially designed to improve participants' knowledge and capabilities in various technological and digital domains.

Participants will also learn the basics of coding and robotics that include their applications and uses, as well as exposures to jobs in the technology and digital fields.

This programme is offered free of charge and is open to school leavers between the ages of 17 and 21.

Petrosains chief executive officer Ezarisma Azni Mohamad said Petrosains is pleased

to collaborate with Yayasan Peneraju in the programme.

'This kind of collaboration should continue to help build a generation that is aware of science and technology and innovates, which can contribute to the development of the Fourth Industrial Revolution (4IR) landscape in Malaysia.'

'This is in line with the country's vision to develop a dynamic and efficient digital economy,' he said.

There are three workshops offered under this programme, which will start in Kuching from June 18 to 22, followed by Miri from Aug 21 to 26, before concluding in Sibiu from Sept 11 to 16.


Petrosains will be using its expertise in educating the youths about the development of the digital era driven by advanced technology in driving the country's sustainable development in the future.

This collaboration is in line with the commitment of Petrosains, which is a vehicle for Petronas' social impact in efforts to empower knowledge in the field of Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM) education.

For more information on the programme, call [082-547393](tel:082-547393).



Petrosains in collaboration with Yayasan Peneraju has launched the Peneraju Skil Aspirasi: Digital Upskilling 2023 programme which aims to equip Sarawakian youths with basic digital skills.



TAJUK : [TEACHING THEM FROM YOUNG](#)

HARI : [JUMAAT](#)

AKHBAR : [THE BORNEO POST](#)

TARIKH : [16 JUN 2023](#)

M/SURAT : [11](#)


TONE : [POSITIF](#)

SEKTOR : [KPWKM](#)



### **TEACHING THEM FROM YOUNG**

A pupil of SJKC Chung Hua Sibü is guided by her teacher and a Civil Defence Force (APM) personnel on how to use a fire extinguisher, during a firefighting demonstration on Wednesday. A total of 434 pupils took part in the safety training session organised by APM at the school. The session included a briefing on how to stay safe against the threat of poisonous animals and other topics of interest.



TAJUK : TIANG, SUPP PELAWAN CELEBRATE PARENTS' DAY WITH RUMAH SERI KENANGAN FOLKS

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 16 JUN 2023

M/SURAT : 11

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## Tiang, SUPP Pelawan celebrate Parents' Day with Rumah Seri Kenangan folks

**SIBU:** Residents from Rumah Seri Kenangan here received a surprise Parents' Day visit from Pelawan assemblyman Michael Tiang recently.

The Deputy Minister for Public Health, Housing and Local Government led members of Sarawak United People's Party (SUPP) Pelawan branch to distribute gifts to residents of the Home.

They also donated daily


necessities and food to Rumah Seri Kenangan, and prepared lunch for the residents.

Members of SUPP Pelawan Youth and Women wings also took part in a number of fun activities with the residents to enliven their day.

Meanwhile, SUPP Pelawan in a statement said public complaints can be channelled to 012-7609822, or in person at Tiang's service centre at 20, Lrg Sg Merah 2F.



Tiang shares a light moment with a resident of the Home during the visit.



TAJUK : RM100MIL MADANI MEDICAL SCHEME TO BENEFIT B40S

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 16 JUN 2023

M/SURAT : 06

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## RM100mil Madani medical scheme to benefit B40s

**PUTRAJAYA:** Recipients of Rahmah Cash Aid (STR) will enjoy all benefits under the Madani Medical Scheme, which will run until Dec 31, says Dr Zaliha Mustafa.

In a statement, the Health Minister said STR recipients could get treatment through the scheme's pilot programme at registered private general practitioners (GPs) in 10 selected districts nationwide.

They are Gombak, Hulu Langat, Klang and Petaling in Selangor, Kinta in Perak, Timur Laut in Penang, Johor Baru in Johor, Kota Kinabalu in Sabah, Kuching in Sarawak and Kuala Lumpur.

She said the pilot phase was expected to benefit 700,000 households with an allocation of RM100mil.

"STR recipients and their dependents are not required to pre-register. They only need to bring their identification card when receiving treatment at the GPs registered under the Madani Medical Scheme," she added.

According to Bernama, the scheme is a government initiative aimed at meeting the health needs of the B40 group, especially in obtaining acute primary care services or outpatient treatment of

acute cases at the GP, and to reduce congestion at government health facilities.

Dr Zaliha said free services offered through the scheme such as consultations, check-ups, medicines, procedures and referrals would be provided to the beneficiaries according to the specified package.

Free outpatient treatment of acute cases offered by the scheme includes treatment for flu, diarrhoea, vomiting, sprains, headaches, minor trauma and other illnesses.


Dr Zaliha said the package did not include treatment for non-

acute cases such as routine immunisation, health screening, routine non-communicable disease follow-up treatment and mother-and-child follow-up treatment.

Non-acute conditions that were not covered by the scheme could be treated at health clinics under the Health Ministry, she added.

Under the scheme, the maximum allocation per household is RM250, RM125 for the elderly (without a spouse) and RM75 for single individuals.

Visit [www.protecthealth.com.my/skimperubatanmadani](http://www.protecthealth.com.my/skimperubatanmadani) or call 03-8687 2525 for details.



TAJUK : WOMAN FINALLY GETS LICENCE FOR CHARCOAL PRODUCTION

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 16 JUN 2023

M/SURAT : 16

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## Woman finally gets licence for charcoal production

AN ENTREPRENEUR from Perak is the first Indian woman in the country to receive a licence for charcoal production, *Malaysia Nanban* reported.

The woman, identified only as Gomathy, said her family had been in the business for more than four decades.

However, she has not been able to obtain a licence despite several applications to the relevant departments and had been operating under someone else's licence.

Her latest application in 2020 received the support of Forestry Department officials.

With the help of Perak exco member A. Sivanesan, the application was approved and Gomathy received her licence.


With the licence, she will have access to 2.42ha of forest land for producing charcoal. The licence is up for renewal every five years.

> A woman in Bangalore, India, stabbed her mother to death and turned up at a local police station with the body stuffed in a luggage bag, the daily also reported.

The 35-year-old woman, who is a physiotherapist, apparently got into an argument with her mother.

She gave her elderly mother sleeping pills and stabbed her to death after the mother fell asleep.

She carried out the murder while her husband was at work and her mother-in-law was in another room.



TAJUK : EXPRESSING GRATITUDE TO FATHERS

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE SUN DAILY

TARIKH : 16 JUN 2023

M/SURAT : 03

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

# Expressing gratitude to fathers

○ Doctor and university student speak to *theSun* about sacrifices made by their dads in making them who they are today

■ BY SIVANISVARRY MORHAN  
[newsdesk@thesundaily.com](mailto:newsdesk@thesundaily.com)

**KUALA LUMPUR:** Speak of fathers, and they may have been referred to in jest as the "biological ATM" during our growing years. But factually, he is the one who protects and provides for the family, picks us up when we fall, taught us to ride a bicycle and yes, he was also the disciplinarian during our pre-adult lives.

As we acknowledge these unsung heroes, it is also important to recognise how fatherhood has evolved in society. In anticipation of Father's Day this Sunday, *theSun* spoke to two individuals about the special connection with their father.

Private hospital clinical oncologist Dr Nurul Rashida Dahlan said her father made many

sacrifices for her to attend medical school.

"He is 76 years old now, but my father Dahlan Abdul Aziz worked diligently as a vegetable vendor at the local morning market throughout his life. He made many financial sacrifices to support my four siblings and me, particularly regarding our studies.

"Throughout my growing years, I watched him dedicate his life to providing for our education. His dream has finally become a reality after nearly three decades as we are all doing well," she said.

"He stuck to a modest daily food menu to save every possible sen. But he ensured that my mother and all of us were well provided for."

Nurul said Dahlan's selflessness inspired her and her siblings to achieve their higher

education goals.

"As his daughter, I am filled with immense pride knowing that he has sacrificed so much to shape our future for the better. Without his contributions, I cannot imagine what my life would have been like. I love you, papa," she said.

Computer science public university student Subathra Rajangam, 24, said her father Rajangam Govindaraju, who is 63 years old now, often gave up his time and hobbies to be with the family.

"He made sure that my two siblings and I received all the attention and guidance we needed, despite his busy workload as a lorry transport service provider.

"I am blessed to have such a lovely role model in my life. From the time I started attending school until returning from university, he always demonstrated his care and love for me by carrying my bags and luggage, as well as opening car doors for me. He is a real gentleman," she said, adding that her father often sacrificed his own wants and needs to provide for the family.


"When we fell ill, he would be there alongside my mother to care for us. There were days when they both didn't get enough rest from looking after us and their health suffered in the process.

"When times were tough, like during the Covid-19 pandemic, my father continued to ensure we had new clothes for Deepavali and enough money to pay for our expenses. But most importantly, he was there to lend his support and provide love when things went wrong."

Subathra said this interview with *theSun* presents her with an opportunity to express her love for her father.

"I can tell him in print how much he means to me and my two brothers. We are grateful for his indulgence and in return, my siblings and I were able to save some funds from the allowance he gave us.

"We are planning to send him on a trip to Vietnam and have organised it with the children of his childhood friends. This is our way of telling him: 'We love you, appa!'"



TAJUK : FAKTOR KEMISKINAN ANTARA PUNCA KECICIRAN MURID, PELAJAR: FADHLINA

HARI : JUMAAT

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 16 JUN 2023

M/SURAT : 17

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM



**MERASMIKAN:** Fadhlina menyempurnakan perasmian Sekolah Kebangsaan Pulau Beluru sebagai Sekolah Komprehensif 9 (K9) di Kampung Pulau Beluru, Palekbang di Tumpat, semalam.

— Gambar Bernama

## Faktor kemiskinan antara punca keciciran murid, pelajar: Fadhlina

**TUMPAT:** Faktor kemiskinan dikenal pasti antara punca masalah keciciran dalam kalangan murid dan pelajar, kata Menteri Pendidikan Fadhlina Sidek.

Beliau berkata, susulan itu Kementerian Pendidikan (KPM) dengan kerjasama badan bukan kerajaan (NGO) sedang mengumpul data bagi menangani isu tersebut.

Katanya, namun paling penting dalam soal keciciran pelajar ia bukan sahaja tanggungjawab KPM, sekolah dan guru, malah perlu wujud ekosistem daripada semua pihak termasuk ibu bapa dan komuniti.

“Kebimbangan itu ada kita pun tak defensif dalam soal kebimbangan itu. Sebab itu kita buat intervensi jadi kebimbangan itu diatasi dengan intervensi, jadi komitmen kita tinggi dan kita tidak berseorangan dalam konteks ini kerana ia turut dilakukan oleh NGO dan bersama KPM dan komuniti,” katanya.

Beliau berkata demikian

pada sidang media selepas menyempurnakan Majlis Perasmian Sekolah Kebangsaan (SK) Pulau Beluru sebagai Sekolah Komprehensif (K9), di sini semalam.


Sementara itu, mengulas mengenai K9, Fadhlina berkata langkah mewujudkan sekolah khas tersebut merupakan antara langkah diambil bagi mengatasi masalah keciciran pelajar dan murid.

“SK Pulau Beluru merupakan sekolah pertama K9 di Kelantan. Ini merupakan antara inisiatif KPM untuk menangani keciciran pelajar.

“K9 SK Pulau Beluru ini akan memastikan anak-anak ini berada di sekolah untuk tempoh darjah satu hingga tingkatan tiga,” katanya.

Fadhlina berkata, ketika ini terdapat 16 sekolah K9 termasuk di Pahang, Selangor, Perak dan Sarawak.

“Kita akan lihat dari semasa ke semasa keperluan untuk menambah bilangan sekolah K9,” katanya. — Bernama



TAJUK : LAGI WANITA JADI MANGSA PENIPUAN PROGRAM TIDAK WUJUD DALAM TALIAN

HARI : JUMAAT

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 16 JUN 2023

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## Lagi wanita jadi mangsa penipuan program tidak wujud dalam talian

**SIBU:** Seorang wanita mengalami kerugian berjumlah RM8,999 selepas diperdaya sindiket penipuan melalui program 'Cashback Shopee' yang tidak wujud dalam talian.

Mangsa, 30-an, yang merupakan kakitangan kerajaan, mengalami kerugian itu setelah menerima panggilan daripada seorang individu yang memperkenalkan diri kononnya sebagai wakil Shopee.

Ketua Polis Daerah Sibu ACP Zulkipli Suhaili berkata, Bahagian Siasatan Jenayah Komersial telah menerima satu laporan daripada wanita warga tempatan berhubung kejadian tersebut kelmarin.

Katanya, mangsa telah ditawarkan 'Cashback Shopee' sebanyak RM3,000 lalu mengikut arahan seterusnya daripada suspek.

"Mangsa kemudian diberikan satu pautan Shopee melalui pesanan mesej WhatsApp dan bertindak mengisi maklumat perbankan termasuk kata kekunci, nama pengguna dan nombor PIN kad ATM sepertimana yang diarahkan suspek.

"Selepas menyerahkan maklumat tersebut, mangsa telah menerima mesej dari bank menyatakan terdapat pemotongan sebanyak tiga transaksi," katanya dalam satu kenyataan media semalam.

Katanya, mangsa kemudian membuat semakan di bank dan mendapati tiga transaksi pemindahan wang ke akaun yang tidak diketahui berjumlah RM8,999 telah dilakukan tanpa pengetahuannya.


Zulkipli berkata, mangsa yang berasa curiga dan menyedari telah diperdaya sus-

pek kemudian hadir ke balai berdekatan untuk membuat laporan polis.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu," tambahnya.

Sebagai langkah pencegahan, Zulkipli menasihatkan orang ramai agar membuat semakan dan berhati-hati dengan tawaran yang diterima dan tidak memberikan maklumat perbankan kepada pihak yang tidak dikenali.

Sebarang nasihat atau maklumat lanjut, boleh dirujuk kepada Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) di talian 997 dan ikuti laman Facebook @CyberCrimeAlertRMP @JSJKPDRM. Buat juga semakan pengesahan akaun bank dan nombor telefon yang diragui melalui laman sesawang <http://ccid.rmp.gov.my/semakmule>.



TAJUK : MAYAT WANITA DIJUMPAI TERSANGKUT DI POKOK TEPI SUNGAI

HARI : JUMAAT

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 16 JUN 2023

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## Mayat wanita dijumpai tersangkut di pokok tepi sungai

**PAPAR:** Mayat wanita dijumpai tersangkut di bahagian pokok di tepi sungai berhampiran Kampung Sapat Jalan Mogon di sini oleh orang awam semalam.

Ketua Polis Daerah Papar Deputy Superintendan Kamaruddin Ambo Sakka berkata, mayat terbabit dijumpai dalam keadaan tidak sempurna dan identiti mangsa juga belum dikenal pasti setakat ini.

“Hasil siasatan di lokasi kejadian mendapati mayat terbabit dalam keadaan terapung serta tertiarap di permukaan sungai dan tersangkut di ranting pokok kayu di tepi sungai berkenaan.

“Pihak bomba kemudiannya dihubungi untuk mendapatkan bantuan bagi membawa naik mayat ke kawasan darat dengan bantuan orang awam,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Bercakap lanjut beliau berkata, hasil pemeriksaan awal terhadap badan mayat tersebut didapati mayat wanita terbabit tidak berbaju dan hanya memakai seluar dalam berwarna hitam.

“Mayat juga didapati dalam keadaan yang tidak sempurna iaitu bahagian kepala, tangan kiri dan kanan serta kaki kiri sudah tiada.



**ANGKAT:** Pasukan bomba mengangkat mayat mangsa ke kawasan darat sebelum diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan lanjut.

“Hanya ada kaki kanan yang tinggal iaitu dari bahagian paha ke paras lutut,” katanya.

Beliau berkata, mayat kemudian dibawa ke bilik mayat Hospital Papar untuk tindakan lanjut.

“Buat masa ini identiti mayat belum dikenal pasti dan setakat ini tidak ada laporan orang hilang dan belum balik ke rumah yang diterima oleh pihak polis IPD Papar.

“Mayat mangsa dijangka berumur dalam lingkungan 30 hingga 40 tahun dan dipercayai sudah meninggal dunia lebih kurang seminggu.

“Polis juga tidak dapat memastikan punca kematian mangsa dan kes diklasifikasikan sebagai kes mati mengejut,” katanya.

Tambahnya, orang ramai yang mempunyai maklumat berkenaan kejadian atau ada kehilangan ahli keluarga diminta membuat laporan di IPD Papar.

Katanya, sebarang maklumat boleh disalurkan kepada Pegawai Penyiasat kes Sarjan Mustifin Wahid Pemangku Ketua Polis Balai (KPB) IPD Papar di talian 0142030071.


Sementara itu, Jurucakap Pusat Gerakan Operasi (PGO)

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) berkata pihaknya menerima panggilan kecemasan berkenaan kejadian pada jam 11 pagi.

Katanya, sepasukan pegawai dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Papar digerakkan ke lokasi sejauh tiga kilometer dari jarak balai.

“Pasukan bomba membantu mengangkat mayat mangsa dengan bantuan daripada bot nelayan tempatan.

“Mayat mangsa yang dibawa ke kawasan darat kemudian diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan selanjutnya,” katanya.



TAJUK : PENERIMA STR BOLEH DAPAT RAWATAN SKIM PERUBATAN MADANI

HARI : JUMAAT

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 16 JUN 2023

M/SURAT : 14

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## Penerima STR boleh dapat rawatan Skim Perubatan MADANI

Dapatkan rawatan menerusi program rintis skim tersebut di pengamal perubatan swasta umum berdaftar di sekitar 10 daerah terpilih

PUTRAJAYA: Skim Perubatan MADANI yang bermula semalam sehingga 31 Disember ditawarkan secara automatik kepada penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) bagi mendapatkan perkhidmatan kesihatan, kata Menteri Kesihatan Dr Zaliha Mustafa.

Menerusi kenyataan semalam, beliau berkata penerima STR boleh mendapatkan rawatan menerusi program rintis skim tersebut di pengamal perubatan swasta umum (GP) yang berdaftar di sekitar 10 daerah terpilih.

Daerah terlibat adalah Gombak, Hulu Langat, Klang dan Petaling (Selangor), Kuala Lumpur, Kinta (Perak),

Timur Laut (Pulau Pinang), Johor Bahru (Johor), Kota Kinabalu (Sabah) dan Kuching (Sarawak).

"Prapendaftaran adalah tidak diperlukan untuk menikmati manfaat Skim Perubatan MADANI bagi penerima STR dan tanggungannya.

"Mereka hanya perlu membawa kad pengenalan semasa mendapat rawatan di GP yang berdaftar di bawah Skim Perubatan MADANI," katanya.

Skim Perubatan MADANI merupakan satu inisiatif rintis kerajaan bertujuan untuk menampung keperluan kesihatan golongan B40 terutamanya

“Prapendaftaran adalah tidak diperlukan untuk menikmati manfaat Skim Perubatan MADANI bagi penerima STR dan tanggungannya.”

Dr Zaliha Mustafa  
Menteri Kesihatan

dalam mendapatkan perkhidmatan penjagaan primer akut atau rawatan pesakit luar kes-kes akut di GP.

Skim itu diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika pembentangan Belanjawan 2023 Februari lepas dan merupakan satu daripada inisiatif

kerajaan mengatasi isu kesesakan pesakit di kemudahan kesihatan kerajaan.

Dr Zaliha berkata perkhidmatan percuma yang ditawarkan menerusi skim itu adalah seperti konsultasi, pemeriksaan, ubat-ubatan, prosedur dan rujukan akan diberikan di GP kepada

penerima manfaat mengikut pakej yang ditentukan.

Rawatan pesakit luar kes-kes akut percuma yang ditawarkan Skim Perubatan MADANI merangkumi rawatan bagi demam selesema, cirit-birit, muntah, terseliuh, sakit kepala, trauma ringan dan pelbagai lagi.

Beliau berkata pakej rawatan Skim Perubatan MADANI tidak merangkumi rawatan bukan akut antaranya imunisasi rutin, saringan kesihatan, rawatan susulan penyakit tidak berjangkit (NCD) rutin dan rawatan susulan ibu dan anak rutin.

"Perkhidmatan kesihatan bagi keadaan bukan akut

yang tidak ditawarkan Skim Perubatan MADANI boleh didapati di Klinik Kesihatan Kementerian Kesihatan (KKM)," katanya.

Dr Zaliha berkata peruntukan bagi setiap isi rumah menerusi skim tersebut adalah sehingga RM250 bagi setiap isi rumah berkeluarga, RM125 bagi warga emas (tanpa pasangan) dan RM75 bagi kategori bujang.

"Penerima manfaat boleh mendapat beberapa kali rawatan percuma sehingga peruntukan bagi setiap isi rumah telah habis," katanya.

Beliau berkata fasa rintis Skim Perubatan MADANI yang dilaksanakan di 10

daerah itu dijangka memberi manfaat kepada 700,000 isi rumah dengan peruntukan sebanyak RM100 juta.

Beliau berkata KKM melalui ProtectHealth menyasarkan sebanyak 700 GP untuk mendaftar sebagai panel Skim Perubatan MADANI menjelang September ini.

Maklumat lanjut mengenai Skim Perubatan MADANI termasuk semakan kelayakan dan senarai klinik panel boleh didapati di laman sesawang ProtectHealth, selaku pelaksana skim berkenaan iaitu di [www.protecthealth.com.my/skimperubatanmadani](http://www.protecthealth.com.my/skimperubatanmadani) atau hubungi talian 03-8687

2525. — Bernama



TAJUK : TIANG KUNJUNGI RUMAH SERI KENANGAN UNTUK MENYAMBUUT HARI IBU, HARI BAPA

HARI : JUMAAT

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 16 JUN 2023

M/SURAT : 07

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## Tiang kunjungi Rumah Seri Kenangan untuk menyambut Hari Ibu, Hari Bapa



**SAMBUTAN:** Ahli-ahli Wanita dan Belia SUPP Pelawan merakamkan kenangan bersama warga Rumah Seri Kenangan Sibul, baru-baru ini.

**SIBU:** Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Michael Tiang telah berkunjung ke Rumah Seri Kenangan Sibul baru-baru ini bagi menyambut Hari Ibu dan Hari Bapa bersama penghuni rumah tersebut.


Turut bersama Tiang dalam kunjungan itu ialah Bahagian Wanita dan Belia Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) Cawangan Pelawan.

Dalam lawatan tersebut, Tiang telah memberikan cenderahati kepada warga emas

manakala pihak SUPP Pelawan telah menyumbangkan barangan keperluan harian dan makanan.

Bagi memeriahkan lagi suasana, persembahan nyanyian dan tarian turut dipersembahkan oleh Bahagian Wanita dan Belia SUPP Pelawan, di samping jamuan tengah hari.

Dalam pada itu, orang ramai juga boleh menghubungi Pasukan SUPP Pelawan di talian 012-7609822 atau berkunjung ke Pusat Khidmat SUPP Pelawan di No.20, Lorong Sungai Merah 2F.



TAJUK : WARGA EMAS DILAPORKAN SESAT DALAM HUTAN DIJUMPAI SELAMAT

HARI : JUMAAT

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 16 JUN 2023

M/SURAT : 06

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

# Warga emas dilaporkan sesat dalam hutan dijumpai selamat

**BINTULU:** Seorang lelaki warga emas yang dilaporkan sesat dan hilang dalam hutan di kawasan Kampung Data Kakus hulu Tatau telah dijumpai selamat oleh penduduk kampung sekitar jam 2 petang kelmarin di kampung berkenaan.

Pusat Gerakan Operasi (PGO) Bomba Sarawak berkata, mangsa dijumpai oleh penduduk kampung semasa mangsa dalam perjalanan balik ke kampung berkenaan dalam keadaan selamat dan sihat.

“Mangsa yang dikenali sebagai Rejun Lin dikatakan telah berteduh di kampung berhampiran semasa mangsa disyaki telah hilang ataupun sesat,” kata kenyataan PGO tersebut semalam.

Susulan itu katanya, operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) mangsa ditamatkan pada jam 4 petang kelmarin.

Sebelum itu katanya, Pusat Kawalan Operasi (PKO) Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Bintulu menerima panggilan kecemasan pada jam 9.15 malam Selasa yang melaporkan seorang lelaki warga emas sesat dalam hutan di kawasan kampung terbabit.

Katanya, PKO BBP Bintulu seterusnya digerakkan ke lokasi yang jaraknya 217 kilometer (km) dari Bintulu bersama enam anggota diketuai Komander operasinya yang juga Ketua BBP Bintulu, TPgBI Christus Buson dan ketua logistiknya PBKII Sat Rawang termasuk

bantuan tiga anggota BBP Belaga.

“Turut membantu enam anggota Polis Diraja Malaysia (PDRN) dan lima orang awam,” katanya.

Beliau berkata, menurut maklumat Ketua Kaum Michael George Nyuring, mangsa dipercayai sesat dalam hutan di kawasan Data Kakus ketika mangsa bersama anaknya dan orang kampung (bergerak di laluan berasingan) untuk mencari hasil hutan.

“Mangsa disedari hilang oleh anaknya apabila mangsa tidak datang untuk makan tengah hari pada jam 11.30 pagi. Usaha pencarian awal telah dilakukan oleh anak mangsa bersama penduduk kampung namun mangsa

gagal ditemui,” katanya.

Berikutan itu katanya, anak mangsa membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis (IPD) Tatau untuk tindakan lanjut.

Pasukan SAR digerakkan pada hari pertama (Rabu) pada jam 8.30 pagi ke BBP Belaga untuk berkumpul bersama anggota bomba Belaga dan seterusnya bergerak ke lokasi kejadian.

Katanya, pada jam 1 petang Pasukan SAR Bintulu tiba di lokasi kejadian dan terus membuat pencarian di lokasi mangsa yang dipercayai hilang dan sekitar jam 2 petang hari sama mangsa dilaporkan berjaya ditemui dengan selamat oleh penduduk kampung semasa mangsa berjalan balik ke kampungnya.